

BAB KELIMA

KISAH-KISAH DALAM SURAH AL-KAHF

5.0 Pendahuluan

Al-Qur'an telah memaparkan berbagai kisah dan cerita sebagai pengajaran kepada umat Islam. Kisah yang dipaparkan merupakan satu wacana yang berorientasikan beberapa model, antaranya model sejarah, model perumpaman dan model lagenda. Semua unsur tersebut disesuaikan dengan maksud dan tujuan al-Qur'an diturunkan. Tujuan utama kisah-kisah tersebut adalah untuk tujuan psikologis, iaitu pengajaran dan peringatan kepada seluruh umat manusia. (Muhammad A. Khalafullah, 2002 : 103)

Dalam bab ini, pengkaji akan membahaskan kisah-kisah dalam konteks surah al-Kahf yang terdapat empat jalinan kisah yang dimuatkan sebagai pengajaran. Kisah-kisah tersebut ialah:

Pertama: Kisah Asha:b al- Kahf (Penghuni-penghuni Gua)

Kedua: Kisah Sa:hib al-Jannatayn (Pemilik dua kebun tanaman)

Ketiga: Nabi Musa a.s. dengan Khidir

Keempat: Kisah Zulqarnain

5.1 Kisah Asha:b al-Kahf

Kisah Asha:b Al-Kahf dimulakan dengan peringatan Allah kepada Nabi Muhammad (S.A.W) supaya tidak menganggap kisah Asha:b Al-Kahf dan al-Raqi:m

sahaja yang menakjubkan. Sebenarnya terdapat banyak lagi peristiwa yang menakjubkan seperti kejadian langit dan bumi, pertukaran siang dan malam dan peredaran matahari, bulan dan bintang. Semua kejadian itu menakjubkan dan sebagai tanda kebesaran dan kekuasaan Allah bagi orang yang memerhati dan mengkajinya. Allah mengisyaratkan hal ini melalui firmanNya:

﴿٩﴾ أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَابَ الْكَهْفِ وَالرَّقِيمِ كَانُوا مِنْ آيَاتِنَا عَجَبًا

Maksudnya: : *“Apakah engkau mengira bahawa orang-orang yang mendiami gua dan (yang mempunyai) al-Raqi:m itu sebagai tanda-tanda kebesaran kami yang menakjubkan? “(Surah al-Kahf, ayat 9).*

Asha:b al-Kahf merupakan cerita teladan didalam surah al-kahf dari ayat 9 hingga ayat 26. Cerita ini mengisahkan beberapa orang pemuda yang mengandungi pengajaran yang amat berguna bagi kehidupan manusia sejangat. Cerita ini bermula dari sebuah kota, terletak di antara dataran yang luas yang subur. Kebanyakan mata pencarian penduduk kota ini adalah bercucuk tanam dan berkebun dengan menanam pohon kurma, buah-buahan, anggur dan sebagainya. Sebahagian penduduk yang lainnya menternak binatang ternakan seperti sapi, kambing, biri-biri dan unta, sehingga kehidupan mereka makmur. Mereka memperolehi rezeki hasil nikmat dari Allah. Agama yang dipeluk mereka ialah menyembah berhala dan dewa-dewa, dan ada sebahagian kecil yang beriman dengan agama tauhid.

[\(http://susantoashabulkahfi.wordpress.com/\)](http://susantoashabulkahfi.wordpress.com/).

Allah s.w.t berfirman:

إِذْ أَوْىءَ الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبَّنَا آتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا
مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا ﴿١٠﴾

Maksudnya: “ *Ingatlah, ketika pemuda-pemuda itu berlindung ke dalam sebuah gua lalu mereka berdoa, “Ya Tuhan kami, berikan rahmat kepada kami dari sisiMu dan sempurnakanlah petunjuk yang lurus bagi kami dalam urusan kami”.* (Surah al-Kahf, ayat 10)

Kemudian Allah s.w.t menceritakan kisah Asha:b Al- Kahf, iaitu kisah pemuda-pemuda yang hendak dihukum bunuh oleh raja yang zalim bernama Diqyanus. Kisah pemuda-pemuda ini merupakan kisah karamah beberapa orang penghuni gua. Al-Qur’an menceritakan bagaimana tujuh orang pemuda yang beriman bersembunyi di dalam sebuah gua untuk menyelamatkan diri dari hukuman seorang raja yang zalim.(Mustaffa Suhaimi, 2003: 38). Tujuh pemuda yang dimaksudkan dalam kisah tersebut ialah *Miksalamina:, Tamlikha:, Martu:nus, Nainu:nus, Sa:rabu:nus. Zu:Nu:wa:nus* dan *Falyastatyu:nus*.(Ibn Kathi:r, t.t, 144).

Asha:b al-Kahf adalah daripada sekelompok pemuda yang beriman yang hidup di zaman pemerintahan Raja Diqyanus di Romawi, beberapa ratus tahun sebelum diutuskan Nabi Isa a.s. Mereka hidup di tengah masyarakat penyembah berhala. Setelah Raja Diqyanus mengetahui ada beberapa orang pemuda yang enggan menyembah berhala, maka raja marah lalu memanggil mereka dan memerintahkan mereka mengikuti kepercayaan mereka. Mereka lari dari kekejaman raja yang menjatuhkan hukuman bunuh ke atas mereka di atas keimanan mereka terhadap Allah Ta‘a:la.

(<http://www.kgdeltamosque.org/sejarah/surah-alkahfi.html>)

Firman Allah:

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ

هُدًى ﴿١٣﴾

Maksudnya: “Kami ceritakan kepadamu (Muhammad) kisah mereka dengan sebenarnya. Sesungguhnya mereka adalah pemuda-pemuda yang beriman dengan Tuhan mereka, dan Kami tambahkan jalan petunjuk kepada mereka”. (Surah al-Kahf, ayat 13)

Kemudian mereka bercerita sesama sendiri tentang keadaan kaum mereka yang tidak beriman kepada Allah dan menyembah berhala, Perbuatan kaum mereka adalah amat zalim kerana mendustakan Allah s.w.t. Allah s.w.t. juga mengilhamkan kepada pemuda-pemuda yang beriman supaya pergi mencari tempat untuk bersembunyi di dalam hutan. Mereka telah berjumpa dengan sebuah gua di sebuah bukit, lalu terus memasukinya dan bersembunyi di dalamnya. Ini dinyatakan menerusi firman Allah s.w.t.:

وَإِذْ أَعْتَزَلْتُمُوهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ فَأْوُوا إِلَى
الْكَهْفِ يَنْشُرْ لَكُمْ رَبُّكُمْ مِنْ رَحْمَتِهِ وَيَهَيِّئْ لَكُمْ مِنْ أَمْرِكُمْ

مَرْفَقًا ﴿١٦﴾

Maksudnya: “Dan apabila kamu menyisahkan diri daripada mereka dan apa (berhala dan dewa) yang mereka sembah selain Allah s.w.t., maka carilah berlindung di dalam gua, nescaya Allah s.w.t. akan melimpahkan sebahagian daripada rahmatNya kepada kamudian menyediakan sesuatu yang berguna dalam urusan kamu” (Surah al-Kahf, ayat 16)

Perkataan Al-Kahf adalah membawa maksud sebuah gua yang terdapat di sebuah bukit. Ada pendapat mengatakan ia adalah ruang luas yang terdapat di bukit. Perkataan *al-Kahf* ialah mufrad dan jamaknya “*Kuhuf*”. Manakala *al-Raqi:m* : Mengikut al-Mu’jam al-Wasi:t (1972), perkataan *al-Raqi:m* membawa maksud buku, atau yang tertulis. Ada pendapat yang mengatakan *al-Raqi:m* ialah papan yang ditulis padanya nama-nama penghuni gua dan kisah-kisah mereka. Ia diletakkan di pintu masuk gua. Papan tulis ini dibuat daripada batu. Mengikut pendapat Ibn ‘Abba:s, *al-Raqi:m* bermaksud nama sebuah perlembahan (wadi), Pendapat yang lain, nama bukit yang terdapat padanya gua tersebut.(Muhyiddin al-Darwi:sh,1999: 444).

Ada juga pendapat yang mengatakan *al-Raqi:m* ialah nama anjing yang turut menemani penghuni gua tersebut. (Muhyiddin al-Darwi:sh, 1999: 444). Ketika pemuda-pemuda itu berada di dalam gua, Allah menidurkan mereka dengan nyenyak, menyebabkan mereka tidak mendengar sebarang suara. Allah Ta’ala sahajalah yang tahu lamanya mereka tidur. Disebut dalam al-Qur’an, mereka tidur selama tiga ratus tahun sembilan hari. (Mutafa Suhaimi,2003:45).

Firman Allah s.w.t.:

وَلَبِثُوا فِي كَهْفِهِمْ ثَلَاثَ مِائَةٍ سِنِينَ وَارْدَاذُوا تِسْعًا ﴿٢٥﴾

Maksudnya: “Dan mereka tinggal di dalam gua selama tiga ratus tahun dan ditambah sembilan tahun.” (Surah al-Kahf, ayat 25).

Allah Maha Berkuasa melakukan apa sahaja. Takdir Allah tiada siapa yang tahu. Manusia biasa tidak boleh hidup selama itu tetapi dengan izin Allah mereka ditidurkan selama tiga ratus sembilan hari di dalam gua tersebut. (Ibnu Kathi:r, t.t. 67 – 71). Allah berkuasa menghidup dan mematikan. Tiga ratus tahun berlalu dengan pantas. Penduduk negeri iaitu Apsu:s sudah melupakan kisah mereka. Kisah tujuh pemuda itu dihakis oleh masa. Raja Deqyanus pun sudah digantikan dengan cicitnya. Agama yang dianuti sudah lama berubah dengan agama yang baru. Penduduk Apsu:s sudah diberi petunjuk oleh Allah ke jalan yang benar.

Setelah berlalu tiga ratus tahun sembilan hari, Allah membangunkan ketujuh-tujuh pemuda daripada tidur untuk mengetahui kebenaran satu daripada dua golongan yang berbeza pendapat tentang berapa lamakah mereka tertidur di dalam gua. Dua pendapat ini dijelaskan oleh Allah dalam ayat ke 19 surah al-Kahf.

Firman Allah s.w.t.:

وَكَذَلِكَ بَعَثْنَاهُمْ لِيَتَسَاءَلُوا بَيْنَهُمْ قَالَ قَائِلٌ مِّنْهُمْ كَمْ لَبِثْتُمْ قَالُوا لَبِثْنَا
يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ قَالُوا رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثْتُمْ فَابْعَثُوا أَحَدَكُمْ
بِوَرِقِكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلْيَنْظُرْ أَيُّهَا أَزْكَى طَعَامًا فَلْيَأْتِكُمْ بِرِزْقٍ
مِّنْهُ وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا يُشْعِرَنَّ بِكُمْ أَحَدًا ﴿١٩﴾

Maksudnya: “Dan demikianlah Kami bangunkan mereka, agar di antara mereka saling bertanya, salah seorang di antara mereka berkata, “sudah berapa lamakah kamu semua berada di sini (dalam gua) sehari atau setengah hari” jawab yang lain, “Tuhanmu lebih mengetahui berapa lama kamu berada di sini. Maka suruhlah salah seorang di antara kamu pergi ke kota dengan membawa wang perak ini, dan

hendaklah dia lihat manakah makanan yang lebih baik, dan bawalah sebahagian makanan itu untukmu dan hendaklah dia berlemah lembut dan jangan sekali-kali menceritakan halmu kepada sesiapa pun.” (Surah al-Kahf, ayat 19)

Ayat 17 hingga 18 pula menerangkan keadaan pemuda-pemuda yang beriman ketika berada di dalam gua. Semasa berada di dalam gua, mereka tertidur dengan nyenyak kerana ruangnya yang lapang dan cahayanya yang samar-samar serta udaranya yang nyaman. Kedudukan pintu gua itu pula menghadap ke utara. Oleh itu apabila matahari terbit dan terbenam, sinarnya tidak memasuki secara langsung ke dalam gua tersebut. Firman Allah:

﴿وَتَرَى الشَّمْسَ إِذَا طَلَعَتْ تَزَّوَّرُ عَنْ كَهْفِهِمْ ذَاتَ الْيَمِينِ وَإِذَا غَرَبَتْ تَقْرِضُهُمْ ذَاتَ الشِّمَالِ وَهُمْ فِي فَجْوَةٍ مِّنْهُ ذَلِكَ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ مَن يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَن يُضِلِلْ فَلَن تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُّرْشِدًا ﴿١٧﴾﴾

Maksudnya: “Dan engkau akan melihat matahari ketika terbit condong dari gua ke sebelah kanan, dan apabila matahari itu terbenam, menjauhi mereka ke sebelah kiri sedang mereka berada dalam tempat yang luas di dalam gua itu. Itulah sebahagian dari tanda-tanda kebesaran Allah. Barangsiapa yang diberi pertunjuk oleh Allah, maka dialah yang mendapat pertunjuk; dan barangsiapa yang disesatkanNya, maka engkau tidak mendapatkan seseorang penolong yang dapat memberi pertunjuk kepadaNya” (Surah al-kahf , ayat 17)

Firman Allah s.w.t.. lagi:

وَتَحْسَبُهُمْ آيْقَاطًا وَهُمْ رُقُودٌ وَنُقَلِّبُهُمْ ذَاتَ الْيَمِينِ وَذَاتَ الشِّمَالِ
 وَكَلْبُهُمْ بَاسِطٌ ذِرَاعَيْهِ بِالْوَصِيدِ لَوِ اطَّلَعْتَ عَلَيْهِمْ لَوَلَّيْتَ مِنْهُمْ فِرَارًا
 وَلَمَلَأْتَ مِنْهُمْ رُعبًا ﴿١٨﴾

Maksudnya: “Dan engkau (Muhammad) mengira mereka itu tidak tidur, padahal mereka tidur; dan Kami bolakbalikkan mereka ke kanan dan ke kiri, sedang anjing mereka melunurkan kedua-dua lengannya di depan pintu gua. Dan jika kamu menyaksikan mereka tentu kamu akan berpaling dan melarikan diri dari mereka dan pasti kamu diselembungi perasaan takut terhadap mereka,” (Surah al-Kahf, ayat 18).

Allah mengingatkan manusia bahawa petunjuk adalah datang daripadaNya. Orang yang diberikan petunjuk akan melalui hidup ini dengan selamat, sedangkan orang yang disesatkan oleh Allah kerana tiada persediaan atau membuat pilihan yang salah, mereka tidak mendapat pimpinan daripada Allah.

Pemuda-pemuda yang tidur di dalam gua kelihatan seperti dalam keadaan jaga. Allah membalik-balikkan badan mereka ke kiri dan ke kanan dari satu masa ke satu masa, supaya tubuh mereka mendapat cahaya dan udara serta mengelakkan daripada mengeluarkan bau busuk. Anjing mereka pula mengunurkan kedua-dua belah kaki hadapannya di pintu gua, seolah-olah bertugas sebagai pengawal pintu. Mengikut riwayat bahawa anjing itu akan memasuki syurga bersama-sama pemuda-pemuda yang beriman itu. (Syarfan Abd. Halim, Ishak Hasan, 1992: 192-193).

Keadaan penghuni gua tersebut seolah-olah dikawal oleh anjing, sangat menggerunkan dan menakutkan, di mana orang yang melihatnya akan melarikan diri.

Setelah Allah membangunkan mereka daripada tidur, mereka saling bertanya sesama sendiri tentang berapa lama mereka tertidur. Ada di antara mereka yang mengatakan hanya tidur sehari, dan ada yang mengatakan setengah hari sahaja. Ada pula yang mengatakan Allah sahaja yang mengetahui berapa lama mereka tertidur.

Apabila berasa lapar, seorang pemuda ditugaskan pergi ke Bandar Upsus untuk membeli makanan dengan wang perak yang ada pada mereka. Ketua pemuda yang bernama Tamli:kha: menasihati rakannya yang ditugaskan supaya berhati-hati agar orang ramai tidak menyedari hal mereka, sebab ditakuti akan dibunuh atau dipaksa kembali menyembah berhala. Dengan itu keadaan mereka tidak akan selamat. (Syarfan Abd. Halim, Ishak Hasan, 1992:193).

Selanjutnya Allah menerangkan dan menceritakan bahawa Asha:b Al-Kahf dalam keadaan sihat, segar dan selamat. Ini membuktikan bahawa kebangkitan di hari akhirat tidak boleh diragui lagi. Pada ketika itu timbul perselisihan dalam masyarakat tentang kebangkitan di hari akhirat. Ada yang percaya dan ada yang mengingkarinya.

Dengan berlakunya peristiwa itu raja Bidrus, iaitu cicit kepada raja Deqyanus dan orang ramai bertambah yakin dengan kebangkitan semula manusia di hari akhirat. Raja Bidrus yang beriman dengan Allah bersama rakyatnya berkunjung ke gua tersebut untuk menyaksikan dan memastikan kebenaran kisah Asha:b al-Kahf. Pemuda-pemuda itu menceritakan hal yang sebenar. Selepas itu mereka dimatikan oleh Allah. Untuk memperingati peristiwa tersebut timbul cadangan supaya gua itu ditutup dan didirikan

bangunan di atasnya. Raja Bidrus pula mencadangkan supaya didirikan sebuah masjid di atas gua itu. (al-Zamakhshariyy , t.t , 477)

Ayat 22 menerangkan bahawa pada zaman nabi Muhammad s.a.w berlaku perselisihan tentang bilangan Asha:b al-kahf. Satu golongan mengatakan bilangan mereka tiga orang dan seekor anjing. Golongan kedua mengatakan lima orang dan seekor anjing. Pendapat pertama dan kedua bukan berdasarkan pengetahuan. Sementara golongan ketiga pula mengatakan bilangan mereka tujuh dan seekor anjing. Pendapat ketiga adalah benar dan bertetapan dengan wahyu.Firman Allah:

سَيَقُولُونَ ثَلَاثَةٌ رَّابِعُهُمْ كَلْبُهُمْ وَيَقُولُونَ خَمْسَةٌ سَادِسُهُمْ كَلْبُهُمْ رَجْمًا
بِالْغَيْبِ وَيَقُولُونَ سَبْعَةٌ وَثَامِنُهُمْ كَلْبُهُمْ قُلْ رَبِّي أَعْلَمُ بِعِدَّتِهِمْ مَا
يَعْلَمُهُمْ إِلَّا قَلِيلٌ فَلَا تُمَارِ فِيهِمْ إِلَّا مِرَاءً ظَهْرًا وَلَا تَسْتَفْتِ فِيهِمْ مِنْهُمْ
أَحَدًا

Maksudnya; “ dan nanti (ada orang yang akan) mengatakan jumlah mereka tiga orang, yang keempat adalah anjing mereka, dan yang lain mengatakan , jumlah mereka lima orang, dan yang keenam adalah anjing mereka, sebagai tekaan terhadap yang ghaib, dan yang lagi mengatakan, jumlah mereka sebanyak tujuh orang dan delapan adalah anjing mereka. Katakanlah wahai Muhammad, Tuhanku lebih mengetahui jumlah mereka, tidak ada yang megetahui bilangan mereka kecuali sedikit. Oleh kerana itu janganlah engkau (Muhammad) berbantah tentang hal mereka, kecuali perselisihan lahir sahaja dan jangan engkau menanyakan tentang mereka (pemuda-pemuda itu) kepada sesiapa pun”(Surah al-Kahf, ayat 22)

Apabila datang penjelasan daripada Allah, nabi Muhammad s.a.w. menasihati para sahabatnya supaya tidak mempertikaikan lagi tentang bilangan Ashab Al-Kahf.

Kalau dibincangkan hal ini dengan ahli kitab, mereka tidak akan memberi jawapan yang tepat, kerana Allah sahaja yang mengetahui hakikat Asha:b Al-Kahf.

Dalam ayat 23 dan 24, Allah menegur perbuatan nabi Muhammad s.a.w. yang berjanji kepada orang-orang quraisyh untuk menjawab pertanyaan mereka tentang kisah Asha:b Al-kahf pada keesokan harinya tanpa menyebut lafaz “Insha: Allah” apabila berjanji, sepatutnya baginda menyebut Insya Allah apabila berjanji. Sekiranya terlupa, hendaklah berdoa mudah-mudahan Allah memberi petunjuk kepadanya.

Firman Allah s.w.t.:

وَلَا تَقُولَنَّ لِشَيْءٍ إِنِّي فَاعِلٌ ذَٰلِكَ غَدًا ﴿٢٣﴾

Maksudnya: “Dan jangan sekali-kali engkau mengatakan terhadap sesuatu, aku pasti akan melakukannya pada esok pagi”. (Surah al-kahf, ayat 23)

FirmanNya lagi:

إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ وَأَذْكُرْ رَبَّكَ إِذَا نَسِيتَ وَقُلْ عَسَىٰ أَن يَهْدِيَنِّي رَبِّي لِأَقْرَبَ مِنْ هَٰذَا رَشْدًا ﴿٢٤﴾

Maksudnya: *Kecuali dengan mengatakan, InshaAllah. Dan ingatlah kepada Tuhanmu apabila engkau lupa dan katakanlah, mudah-mudahan Tuhanku akan memberiku petunjuk kepadaku agarku lebih dekat dengan kebenarannya daripada ini.*” (Surah al-Kahf, ayat 24)

Ayat 25, menjelaskan bahawa Asha:b al-kahfi tertidur di dalam gua selama 300 tahun berdasarkan peredaran matahari dan 309 tahun berdasarkan peredaran bulan. Manakala ayat 26 pula Allah menerangkan tentang tempoh sebenar mereka berada di

dalam gua itu. Allah sahaja yang mengetahuinya kerana pengetahuan Allah meliputi segala apa yang ada di langit dan di bumi.

Firman Allah:

وَلَبِثُوا فِي كَهْفِهِمْ ثَلَاثَ مِائَةٍ سِنِينَ وَازْدَادُوا تِسْعًا ﴿٢٥﴾

Maksudnya: “Dan mereka tinggal di dalam gua selama tiga ratus tahun dan ditambah sembilan tahun.” (Surah al-Kahf, ayat 25)

Firman Allah s.w.t.:

قُلِ اللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثُوا لَهُ غَيْبُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ أَبْصَرَ بِهِ وَاسْمِعَ
مَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا يُشْرِكُ فِي حُكْمِهِ أَحَدًا ﴿٢٦﴾

Maksudnya: “Katakanlah, Allah lebih mengetahui berapa lamanya mereka tinggal di gua tersebut. Baginya apa yang tersembunyi di langit dan di bumi. Alangkah terangnya penglihatannya dan alangkah tajam pendengarannya, Tidak ada seorang pelindung pun bagi mereka selain Dia, dan Dia tidak mengambil seorang pun menjadi sekutunya dalam menetapkan keputusannya.” (Surah al-Kahf, ayat 26).

Antara pengajaran dan penghayatan yang dapat dipetik daripada kisah Asha: al-kahfi ialah kisah tersebut sebagai bukti yang nyata tentang kebangkitan di hari akhirat. Percaya kepada hari akhirat boleh menjadikan kita orang yang baik dan hidup serta yakin kepada kekuasaan Allah. Di antara saripati yang dapat dipetik dari kisah Asha: al-kahf ialah:

(1) Mengesakan Allah “*Tawhi:dullah*” Menurut pada ulama, mengesakan Allah terbahagi kepada tiga perkara, iaitu *pertama, Tawhi:d al-Uluhiyyat*, ialah mengesakan Allah Ta‘ala dalam beribadah, iaitu meyakini bahawa beribadah itu hanya ditujukan kepada Allah dan keranaNya semata-mata. *Kedua; Tawhi:d Rubu:biyyat* , ialah mengesakan Allah Ta‘ala dalam perbuatan, yakni beriman dan meyakini bahawa hanya Allah sahajalah maha pencipta, penguasa dan pengatur alam semesta. *Ketiga, “ Tawhi:d al-Sifa:t”* , ialah mengesakan Allah Ta'ala dan sifat-sifatnya, ertinya mengimani bahawa tidak ada makhluk yang serupa denganya dalam zat mahupun sifat. (<http://susantoashabulkahfi.wordpress.com/>).

(2) Pemilihan penghuni gua tersebut untuk lari bersembunyi dan mengasingkan diri di dalam gua adalah merupakan panggilan suara hati agar sentiasa dapat mempertahankan keyakinan dan keimanan mereka terhadap Allah, sekaligus dapat menjalankan ibadah serta keyakinan terhadap Allah di tempat yang terhindar dari penglihatan manusia, sebab mereka yakin bahawa penguasa yang sebenarnya adalah Allah, dan bukannya seorang raja atau pemerintah yang berkuasa di zaman mereka. Sebagaimana mereka juga sedar bahawa segala keangkuhan si raja hanyalah gertakan dan ugutan. Pengasingan diri ini, juga merupakan wujud satu pengorbanan untuk meninggalkan segala kenikmatan dunia untuk tujuan akhirat. Mereka rela meninggalkan keluarga, harta dan tanahair demi menyelamatkan akidah serta kluatir akan berlakunya fitnah. (Muhyiddi:n al-Darwi:sh, 1999, 58 – 60).

Pengasingan diri daripada masyarakat ini juga merupakan satu kaedah yang digunapakai oleh seseorang rakyat untuk menolak kekejaman pemimpin yang zalim serta tidak beriman dengan Allah.

(<http://sayyidulayyaam.blogspot.com/2006/12/saripati-kisah-ashabulkahfi.html>)

(3) Mengikut kronologi kisah Asha:b al-Kahf, padat difahami bahawa ianya mempertemukan kepada satu titik tujuan utama kisah tersebut iaitu meyakinkan umat manusia sejagat terhadap kebenaran akan berlakunya hari kiamat dan hari kebangkitan di padang mahshar. Dalam suatu riwayat, pada saat sebelum Asha:b al-Kahf dibangkitkan, masyarakat setempat terbahagi kepada dua golongan. Ada yang meyakini adanya hari kebangkitan di akhirat nanti dan ada yang tidak percaya sama sekali. (Ibn Kathi:r, t.t. , 143). Bagi seorang mukmin, akidah ini merupakan sebuah dogma kepercayaan yang tidak boleh diragukan lagi tentang kebenarannya. Sesungguhnya keimanan kepada adanya hari kebangkitan memacu umat yang beriman untuk melakukan amal kebajikan selama hidup di dunia dan menimbulkan rasa tanggungjawab yang tinggi di hadapan mahkamah Allah kelak.

5 . 2 Kisah Sa:hib al-Jannatayn (Kisah pemilik dua buah kebun tanaman)

Ayat 32 hingga ayat 46 daripada surah al-Kahf, Allah mengemukakan perbandingan antara dua orang lelaki, seorang beriman dan seorang kafir yang terpedaya dengan kehidupan dan kesenangan dunia. Lelaki yang beriman dikenali sebagai *Tamli:kha:* atau *Yahu:za:* dan lelaki yang kafir bernama *Natru:s*. Menurut

satu pendapat kedua-duanya adalah bersaudara dan berasal dari kalangan Bani Isra'i:l. (Ibn Kathi:r. Jilid ii ,1999: 419).

Ada pendapat yang mengatakan hubungan antara kedua-dua mereka adalah sebagai sahabat. Ini dibuktikan dengan firman Allah :

وَكَانَ لَهُ ثَمَرٌ فَقَالَ لِصَاحِبِهِ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ أَنَا أَكْثَرُ مَالًا وَأَعَزُّ

نَفَرًا ﴿٣٤﴾

Maksudnya: “*dan dia memiliki kekayaan (kemewahan) yang banyak, seraya berkata kepada kawannya yang beriman ketika berbual dengan dia, hartaku lebih banyak daripada hartamu dan pengikutku lebih kuat.*” (Surah al-Kahf, ayat 34).

Natru:s dikurniakan dua bidang tanah yang ditanam dengan pohon anggur, tamar dan tanaman yang lain. Kedua-dua kebun tersebut mengeluarkan hasil yang banyak. Di tengah-tengahnya terdapat sebatang sungai. Selain daripada harta tersebut, dia mempunyai harta dan kebun yang lain. Kedua-dua kebunnya dipenuhi dengan tanaman kurma dan anggur. Semua tanamannya menjadi subur dan mengeluarkan hasil yang banyak, dan ini menjadikan dia sombong dan angkuh. Dan dia juga beranggapan bahawa seorang yang mulia dan berpengaruh di sisi masyarakat sekelilingnya. (Sala:h ‘Abd al-Fatta:h al-Kha:lidiyy, 1996: 127).

Oleh kerana kekayaan yang melimpah ruah, dia menjadi seorang yang bongkak dan lupa daratan. Keadaan ini diketahui, apabila dia berkata kepada *Tamli:kha* :

“*Hartaku lebih baik daripada hartamu dan pengikutku juga lebih ramai*”.

Apabila Natru:s memasuki kebunnya, dia mengatakan kebunnya tidak akan binasa selama-lamanya. Dia juga mengingkari hari kiamat. Dia juga berangan-angan mendapat kebahagiaan di akhirat. *Tamli:kha:* menegur sikap dengan katanya melalui firman Allah:

قَالَ لَهُ صَاحِبُهُ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ أَكَفَرْتَ بِالَّذِي خَلَقَكَ مِنْ تُرَابٍ
ثُمَّ مِنْ نُّطْفَةٍ ثُمَّ سَوَّاهُ رَجُلًا ﴿٣٧﴾ لَكِنَّا هُوَ اللَّهُ رَبِّي وَلَا أُشْرِكُ
بِرَبِّي أَحَدًا ﴿٣٨﴾

Maksudnya: “*Dia (lelaki yang beriman) berkata kepada sahabatnya. Patutkah engkau mengingkari tuhan yang mencipta engkau daripada setitik mani dan seterusnya menjadi manusia yang sempurna, Bagiku, aku tetap yakin bahawa tuhanku ialah Allah dan aku tidak menyukutukannya dengan sesuatu, (Surah al-Kahf, ayat 37 – 38).*

Tamli:kha: memohon kepada Allah dikurniakan kebaikan di akhirat dengan sebab keimanannya. Kurniaan di akhirat adalah lebih baik daripada kebun yang dimiliki oleh Natru:s. Ini digambarkan oleh firman Allah:

فَعَسَىٰ رَبِّي أَن يُؤْتِيَنِي خَيْرًا مِّنْ جَنَّتِكَ وَيُرْسِلَ عَلَيْهَا حُسْبَانًا مِّنَ السَّمَاءِ
فَتُصْبِحَ صَعِيدًا زَلَقًا ﴿٤٠﴾

Maksudnya: “*Maka mudah-mudahan Tuhanku akan memberikan kepadaku (kebun) yang lebih baik daripada kebunmu ini dan Dia akan mengirimkan petir dari langit, sehingga kebun itu menjadi padang jarak padang terkukur. (Surah al-kahf, ayat 40).*

Kedua-dua kebun tanaman milik Natru:s akan binasa dipanah petir. Seluruh kebunnya menjadi padang jarak padang terkukur. Tanahnya menjadi tandus dan gersang, kebunnya menjadi kering kontang kerana airnya mendap dan meresap ke bumi. Keadaan ini berlaku kerana kekufurannya terhadap Allah. (Ibn Kathi:r. t.t. 154).

Ramalan Tamli:kha: menjadi kenyataan, dan kebun Natru:s tadi musnah sama sekali. Dia amat menyesal kerana hartanya banyak dibelanjakan menguruskan dan membiayai kebunnya yang telah musnah. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna. Dia juga menyesali tindakannya menyekutukan Allah. Waktu itu tiada siapa yang dapat memberi pertolongan kepadanya, kecuali Allah. Kuasa memberi pertolongan dan perlindungan adalah hak Allah, tuhan yang sebenar. Dialah sebaik-baik pemberi pahala dan sebaik-baik pemberi ganjaran.

Antara pengajaran yang dapat diambil dari kisah di atas ialah seperti berikut:
(Sala:h ‘Abd al-Fatta:h al-Kha:lidiyy, 1996 : 153).

- (1) Kisah Sa:hib al-Jannatayn merupakan kisah realiti yang berlaku pada zaman silam, ianya dipaparkan oleh Allah melalui slot penceritaan yang menarik dan ringkas.
- (2) Watak kedua-dua lelaki dalam kisah di atas merupakan contoh dua sikap atau jenis manusia yang wujud pada setiap zaman dan tempat.
- (3) Para pendakwah harus menjadikan kisah perumpamaan sebegini sebagai model dakwah dalam menyeru manusia ke jalan yang benar.

(4) Kisah di atas juga menunjukkan bahawa Allah maha pengasih lagi penyayang dalam memberikan nikmat kurniaannya seperti kekayaan dan kemewahan hidup kepada manusia, Anugerah kesenangan dan kemewahan adalah satu ujian dan bukannya bukti bahawa Allah mengasihi dan meredai mereka.. Sebaliknya jika seseorang hamba yang beriman tidak dikurniakan kekayaan dan kemewahan hidup di dunia, ini tidak bermakna bahawa Allah membencinya tetapi untuk menguji sejauh manakah kesabarannya untuk menjadi seorang hamba yang bersyukur dengan kadar rezeki yang ada.

5.3 Kisah Pengembaraan Nabi Musa bertemu Khidir

Pada ayat 60 hingga ayat 82 daripada surah al-Kahf, Allah menyuruh nabi Muhammad s.a.w. mengingati dan mengambil iktibar daripada kisah pengembaraan nabi Musa a.s. bersama temannya Yu:sya' Ibn Nu:n untuk berguru kepada seorang hamba Allah yang soleh, di mana namanya tidak dinyatakan dalam al-Qur'an. Al-Qur'an al-Karim tidak pula menyebutkan siapakah gerangan hamba yang dimaksudkan. Seorang hamba Allah tersebut yang dicari-cari oleh nabi Musa a.s. agar dia dapat berguru dengannya. Walaupun nabi Musa salah seorang dari kalangan lima orang nabi yang bergelar Ulul 'Azmi dan juga seorang nabi yang diajak berbicara dengan Allah secara langsung dan juga yang dianugerahkan mukjizat tongkat dan tangan yang bercahaya, namun dalam kisah ini, dia menjadi seorang pencari ilmu dan perlu berguru dengan seorang hamba yang dikurniakan Allah rahmat dan keilmuan yang tinggi. (<http://netlog.wordpress.com/category/kisah-nabi-khidir-as/>)

Para mufassirin berselisih pendapat mengenai siapakah sebenarnya lelaki soleh tersebut. Perselisihan pendapat tentang lelaki tersebut baik pada namanya, keturunannya, kenabiannya dan masa hidupnya sampai sekarang. (Ibn Kathi:r. 2003: 559). Menurut riwayat al-Da:ruqutniyy, daripada ‘Abdullah Ibn ‘Abba:s berkata bahawa lelaki soleh tersebut ialah Khidir Ibn A:dam. Umurnya dipanjangkan oleh Allah. Manakala Ibnu Qutaiybah dalam kitabnya al-Ma‘a:rif, menyebutkan bahawa nama sebenar Khidir ialah Balya:n Ibn Mulka:n Ibn Fa:ligh Ibn ‘A:bir Ibn Shalikh Ibn Arfakhasa:d Ibn Sa:m Ibn Nu:h. (Ibn Kathi:r. 2003: 560).

Kisah pertemuan antara Nabi Musa a.s. dengan Khidir ini tidak dinyatakan secara jelas mengenai siapa sebenarnya hamba Allah yang soleh itu, adakah dia seorang nabi atau seorang alim ataupun wali. Begitu juga tentang tempat dan masa atau tarikhnya. Tempat pertemuan yang hanya dinyatakan di *Majma‘ al-Bahraiyn*. Pendapat yang paling jelas mengenai tempat pertemuan tersebut ialah di laut Rom dan laut Qulzum. (Saiyyid Qutub, 1985 Jilid 4: 2278). Ini dinyatakan oleh Allah menerusi firmanNya:

وَإِذْ قَالَ مُوسَى لِفَتْنِهِ لَا آَبْرَحُ حَتَّىٰ أَبْلُغَ مَجْمَعَ الْبَحْرَيْنِ أَوْ أَمْضِيَ

حُقُبًا ﴿٦٠﴾

Maksudnya: “Dan ingatlah ketika mana Musa berkata kepada pembantunya, “Aku tidak akan berhenti berjalan sebelum sampai ke **pertemuan dua lautan**; atau aku akan berjalan hingga bertahun-tahun.” (Surah al-Kahf, ayat 60).

Terdapat beberapa pendapat lain mengenai tempat pertemuan itu, antaranya tempat itu terletak di laut Persia dan Romawi, manakala pendapat lain menyatakan ia di laut Jordania dan Kulzu:m. (<http://netlog.wordpress.com/categori/kisah-nabi-khidir-as/>)

Menurut al-Tabariyy diriwayatkan daripada Qata:dat, pendapat yang saheh mengatakan bahawa Khidir adalah di kalangan para *auliya:*' (wali-wali) yang dianugerahkan Allah beberapa *kara:mat* (kemuliaan) dan perkara-perkara ghaib. (Muhammad 'Aliyy al-Sa:bu:niyy, Jilid ii. 1981: 198). Khidir yang mendapat ilmu secara langsung daripada Allah.

Firman Allah:

فَوَجَدَا عَبْدًا مِّنْ عِبَادِنَا آتَيْنَاهُ رَحْمَةً مِّنْ عِنْدِنَا وَعَلَّمْنَاهُ مِمَّا لَدُنَّا عِلْمًا



Maksudnya: “Lalu mereka berdua bertemu dengan seorang hamba di kalangan hamba-hamba Kami, yang telah Kami berikan rahmat kepadanya dari sisi Kami dan yang telah Kami ajarkan ilmu kepadanya dari sisi Kami.” (Surah al-kahf, ayat 65).

Menurut Ibn Kathi:r , (t.t. :174) Ubai Bin Ka‘ab meriwayatkan Rasulullah s.a.w. pernah menyatakan ketika nabi Musa a.s. menyampaikan dakwah kepada kaumnya baginda ditanya oleh mereka: “ أَيُّ النَّاسِ أَعْلَمُ ؟ ”

Maksudnya: “siapakah yang paling alim dan bijaksana pada zaman itu?” Nabi Musa menjawab dialah yang paling alim. Jawapan itu ditegur oleh Allah dengan wahyuNya:

“إِنَّ لِي عَبْدٌ بِمَجْمَعِ الْبَحْرَيْنِ هُوَ أَعْلَمُ مِنْكَ ”

Maksudnya: “ *Bagiku ada seorang hamba yang yang lebih alim daripadamu yang berada di pertemuan dua lautan*”. Lalu Allah mewahyukan kepada nabi Musa a.s. agar berguru dengan hamba tersebut di tempat yang disebut sebagai *مَجْمَعُ الْبَحْرَيْنِ* " yang dikatakan terletak di pertemuan di antara Teluk ‘Aqabah dan Teluk Suez di Semenanjung Sina:’.

Walaupun Nabi Musa a.s. Seorang rasul yang diutuskan Allah, namun ilmu yang dimilikinya ada kekurangannya, dan dia perlu mempelajari suatu ilmu yang belum diketahuinya dengan berguru kepada seorang lelaki yang soleh iaitu Khidir. (H. Salim Bahreisy. 1980: 296). Untuk menemui lelaki soleh lagi alim tersebut, Nabi Musa a.s. diminta oleh Allah supaya membawa makanan termasuk seekor ikan panggang. Nabi Musa a.s. diberitahu bahawa tempat pertemuan tersebut ialah di mana ikan yang di bawanya meluncur keluar ke laut. Nabi Musa a.s. memulakan perjalanannya bersama temannya Yusya’ Bin Nu:n. Nabi Musa a.s. berkata kepada temannya yang dia tidak akan berhenti berjalan sehingga sampai di pertemuan dua laut dan bertemu dengan Khidir. (Ibn Kathi:r. t.t, 171).

Apabila mereka sampai di sebuah batu besar di (*مَجْمَعُ الْبَحْرَيْنِ*), kedua-dua mereka berehat dan nabi Musa tertidur, tiba-tiba ikan panggang yang mereka bawa menggelepar dan terus meluncur ke laut. Temannya Yusya’ Bin Nu:n terlupa memberitahu peristiwa itu kepada nabi Musa. Mereka pun meneruskan perjalanan. Setelah merasa penat mereka pun berehat lagi. Pada masa itu nabi Musa a.s. meminta temannya membawa makanan kerana terlalu lapar dan letih. Ketika itu temannya memberitahu peristiwa yang menakjubkan yang berlaku pada hari sebelumnya. Setelah

mendengar kisah itu nabi Musa a.s. menjelaskan bahawa itulah tempat yang mereka tuju. Mereka kembali semula ke tempat itu untuk menemui Khidir sebagaimana yang diwahyukan oleh Allah. (Ibn Kathi:r. t.t, 171).

Sesampainya Nabi Musa dan temannya di مَجْمَعُ الْبَحْرَيْنِ mereka bertemu dengan seorang lelaki yang memakai pakaian yang serba putih. Nabi Musa memberi salam kepadanya seraya memperkenalkan dirinya. Khidir pun bertanya: “*Musa nabi Bani Isra’il?*”. Nabi Musa menjawab: “ *Ya, saya*”. Nabi Musa meminta izin untuk mengikut Khidir dan memohon kepadanya supaya diajarkan ilmu yang telah dikurniakan oleh Allah kepadanya. Khidir menyatakan melalui firman Allah:

قَالَ إِنَّكَ لَنْ تَسْتَطِيعَ مَعِيَ صَبْرًا ﴿١٧﴾ وَكَيْفَ
تَصْبِرُ عَلَىٰ مَا لَمْ تُحِطْ بِهِ خُبْرًا ﴿١٨﴾

Maksudnya: “*Berkatalah Khidir: “Sesungguhnya engkau tidak akan bersabar bersama aku, bagaimana engkau boleh bersabar tentang perkara-perkara yang engkau belum mempunyai pengalaman tentangnya.”* (Surah Al-Kahf, ayat 67-68)

Nabi Musa.a.s. menjawab menerusi firman Allah:

قَالَ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ صَابِرًا وَلَا أَعْصِي لَكَ أَمْرًا ﴿١٩﴾

Maksudnya: “*Musa berkata: “ Insya Allah, nanti engkau akan dapati aku seorang yang sabar dan aku sekali-kali tidak akan menentang dalam sebarang perkara pun”*. (Surah Al-Kahf, ayat 69).

Lalu Khidir memberi syarat dengan berkata menerusi firman Allah:

قَالَ فَإِنْ اتَّبَعْتَنِي فَلَا تَسْأَلْنِي عَنْ شَيْءٍ حَتَّى أُحْدِثَ لَكَ مِنْهُ ذِكْرًا ﴿٧٠﴾

Maksudnya: “ *Berkatalah Khidir: Jika engkau ikutku janganlah engkau bertanya apa-apa yang aku lakukan, sehingga aku sendiri menceritakan hal itu kepadamu*”. (Surah Al-Kahf, ayat 70).

Nabi Musa a.s. dan Khidir berjalan hingga sampai di suatu pantai tanpa ditemani oleh Yusya‘ Ibn Nu:n. Kedua-duanya menumpang sebuah perahu yang berada di situ, tanpa dikenakan bayaran. Semasa dalam pelayaran, Khidir melubangkan perahu tersebut dengan sebilah kapak. Nabi Musa kehairanan melihat perbuatan itu dan segera menutup lubang tersebut dengan bajunya. Dia berkata kepada Khidir: “*Pemilik perahu ini telah bermurah hati menumpangkan kita dengan percuma. Mengapa pula engkau bocorkannya, tentulah akan karam dan penumpangnya akan mati lemas. Sesungguhnya engkau telah melakukan satu kesalahan besar.*” (Ibn Kathi:r. t.t. 173).

Khidhir mengingatkan Musa a.s. dengan katanya menerusi firman Allah:

قَالَ أَلَمْ أَقُلْ لَنْ تَسْتَطِيعَ مَعِيَ صَبْرًا ﴿٧٢﴾

Maksudnya: “*Berkatalah Khidir: Bukankah sudahku katakan bahawa engkau tidak boleh bersabar bersama aku.*” Nabi Musa a.s. memohon maaf kepada Khidir tentang kesilapannya. Kemudian kedua-duanya turun daripada perahu tersebut.

Nabi Musa a.s. dan Khidir meneruskan perjalanan, dan di dalam perjalanan mereka bertemu dengan seorang budak lelaki yang kacak sedang bermain-main. Khidir

tanpa banyak soal terus membunuh lelaki tersebut. Nabi Musa menegurnya sekali lagi dengan katanya menerusi firman Allah:

فَأَنْطَلَقَا حَتَّىٰ إِذَا لَقِيَا غُلَامًا فَقَتَلَهُ ۖ قَالَ أَقْتَلْتَنِي بِغَيْرِ نَفْسٍ
لَّقَدْ جِئْتَ شَيْئًا نُّكْرًا ﴿٧٤﴾

Maksudnya: “ Maka berjalanlah keduanya hingga ketika mereka berjumpa dengan seorang anak muda, maka Khidir membunuhnya. Dia (Musa) berkata, “Mengapa dibunuh budak yang tidak berdosa?” “Bukankah satu kesalahan?” Ini satu kemungkaran yang besar.” (Surah Al-Kahf, ayat 74).

Khidir sekali lagi mengingatkan semula kepada nabi Musa a.s. tentang janjinya. Nabi Musa a.s. sudah dua kali melanggar perjanjian dengan Khidir. Dia merasa bersalah dan berkata menerusi firman Allah :

قَالَ إِن سَأَلْتُكَ عَنْ شَيْءٍ بَعْدَهَا فَلَا تُصَحِّبْنِي ۖ قَدْ بَلَغْتَ مِن لَّدُنِّي عُذْرًا
﴿٧٦﴾

Maksudnya: “ Dia (Musa) berkata,”Jika aku bertanya lagi kepadamu selepas ini janganlah engkau membenarkan aku menemani engkau lagi. Sesungguhnya engkau telah banyak memberi maaf kepadaku.” (Surah al-Kahf, ayat 76).

Nabi Musa a.s. dan Khidir pun meneruskan perjalanan sehingga sampai di sebuah negeri bernama Antakiyyat. Kedua-duanya meminta penduduknya supaya mereka menjadi tetamu negeri itu, tetapi mereka menolak. Di Antakiyyat terdapat sebuah tembok condong yang hampir roboh. Khidir menegakkannya semula. Nabi

Musa berkata kepadanya: “*Sebenarnya engkau berhak meminta upah daripada mereka dengan kerja yang berat ini, tetapi engkau tidak memintanya.*” (Ibn Kathi:r. t.t. 180).

Ini dinyatakan oleh Allah menerusi firmanNya:

فَانْطَلَقَا حَتَّىٰ إِذَا أَتَيَا أَهْلَ قَرْيَةٍ اسْتَطْعَمَآ أَهْلَهَا فَأَبَوْا أَن يُضَيِّفُوهُمَا
فَوَجَدَا فِيهَا جِدَارًا يُرِيدُ أَن يَنْقُضَ فَأَقَامَهُ ۗ قَالَ لَوْ شِئْتَ لَتَّخَذْتَ عَلَيْهِ

أَجْرًا ﴿٧٧﴾

Maksudnya: “*Kedua-duanya meneruskan perjalanan sehingga berjumpa penduduk sebuah negeri (Antakiyyah), lalu mereka meminta penduduknya memberi makanan. Tetapi mereka (penduduk) enggan menerima kedua-duanya sebagai tetamu. Kemudian mereka berdua mendapati sebuah tembok yang hampir roboh. Dia (Khidir) pun menegakkannya. Musa berkata: “Jika engkau mahu upah, sudah tentu engkau berhak mengambilnya” (Surah Al-Kahf, ayat 77).*

Dengan itu nabi Musa a.s. telah melakukan kesalahan untuk kali ketiganya.

Akhirnya Khidir berkata menerusi firman Allah s.w.t:

قَالَ هَذَا فِرَاقُ بَيْنِي وَبَيْنِكَ سَأُنَبِّئُكَ بِتَأْوِيلِ مَا لَمْ تَسْتَطِعْ عَلَيْهِ

صَبْرًا ﴿٧٨﴾

Maksudnya: “*Dia (Khidir) berkata: Inilah masa perpisahan aku dengan engkau. Aku akan memberi penjelasan tentang perkara-perkara yang engkau tidak sabar tentangnya*”. (Surah Al-Kahf, ayat 78).

Khidir menjelaskan secara terperinci sebab-sebab tindakannya itu:

Pertama: Tentang pembocoran perahu. Ia adalah kepunyaan orang miskin yang bekerja di laut. Dia sengaja membocorkannya supaya tidak dirampas oleh raja yang zalim.

Kedua: Tentang pembunuhan budak lelaki. Ibu bapa budak itu beriman kepada Allah. Khidir membunuhnya kerana mengetahui budak itu akan mendesak ibu bapanya melakukan kezaliman dan kekufuran. Allah akan menggantikan dengan anak yang lebih baik iaitu yang bersih jiwanya, penyantun dan penyayang serta taat kepada kedua ibu bapa.

Ketiga: Tentang penegakkan (pembaikpulih) tembok batu. Tembok itu kepunyaan dua orang anak yatim di negeri itu. Di bawahnya tersimpan harta pusaka mereka. Kedua-dua ibu bapa mereka pula orang yang soleh. Allah menghendaki kedua-dua anak yatim itu mengeluarkan dan menggunakan harta itu apabila dewasa kelak. Harta itu adalah satu pemberian rahmat daripada Allah. (Saiyyid Qutub, 1985 : 2281 -2282).

Apa jua yang dilakukan oleh Khidir, bukanlah dengan kehendaknya sendiri, semuanya datang daripada Allah. Demikianlah keterangan tentang perkara-perkara yang nabi Musa a.s. tidak mampu bersabar. Rasulullah mengingatkan umatnya supaya mengambil iktibar daripada kisah tersebut. Setelah selesai membaca ayat-ayat mengenai pengembaraan ini, Rasulullah bersabda yang bermaksud:

“Semoga Allah merahmati nabi Musa a.s. .Alangkah baiknya kalau nabi Musa a.s. dapat bersabar, sehingga kita dapat mengetahui kisah mereka selanjutnya.”
(Muhammad ‘Aliyy al-Sa:bu:niyy,1981, 201).

Antara pengajaran yang dapat diambil daripada kisah pengembaraan Musa a.s. dan Khidir adalah seperti berikut:

- i. Ilmu adalah merupakan kurniaan dari Allah SWT, dan tidak ada seorang manusia pun yang boleh mendakwa atau mengatakan bahawa dia lebih berilmu (alim) dibandingkan dengan orang lain. Ini adalah kerana terdapat ilmu tentang rahsia-rahsia ketuhanan yang tidak dianugerahkan kepada setiap hamba, hanya hamba-hamba yang terpilih sahaja yang diberikan ilmu tersebut yang juga dikenali sebagai ilmu *laduni*. Walaupun nabi Musa seorang nabi yang diberi mukjizat tongkat yang boleh bertukar menjadi ular dan juga boleh membelah lautan samudera, namun ini tidak bermakna dia dianugerahkan suatu kurniaan yang tinggi lebih dari hamba Allah yang lain.

(<http://www.terato.com/forum/viewtopic.php=38878&sid=fd4c74f51e7d9f21836334d1fdd78>)

- ii. Hikmah seterusnya ialah setiap manusia yang beriman harus memiliki sifat sabar yang tinggi dan juga tidak terburu-buru dalam apa saja tindakan dan perbuatan, lebih-lebih lagi dalam menuntut ilmu yang mengandungi hikmah yang tersembunyi. Semasa nabi Musa a.s. mengembara dan menuntut ilmu dengan Khidir, baginda disuruh mengikut arahan dan bersabar melihat kejadian-kejadian yang berlaku tanpa ada persoalan.
- iii. Seorang murid harus memiliki adab sopan ketika berguru dengan seseorang ulamak atau para ilmuwan. Dia harus sentiasa bersedia mendengar penjelasan daripada gurunya dari awal hingga akhir sehinggalah dia diberi peluang untuk bertanya tentang sebarang kemusykilan yang mungkin timbul akibat dari kurang memahami penjelasan dari gurunya.
- iv. Beberapa peristiwa ganjil yang berlaku semasa nabi Musa a.s. bersama Khidir ada hikmah di sebaliknya. Di sebalik peristiwa-peristiwa tersebut terkandung

seribu satu hikmat ketuhanan yang datang dari Tuhan yang Maha Mengetahui setiap sesuatu di bawah kekuasaannya. Di mana semua makhluk berada di bawah genggamannya (Qabdat) “قَبْضَةُ اللَّهِ”

- v. Kisah nabi Musa berguru dengan Khidir ini juga menunjukkan bahawa Islam memberikan kedudukan yang amat istimewa kepada seorang guru. Begitu juga dengan kewajiban menuntut ilmu seperti mana sabda Baginda Rasulullah S.A.W. : “ طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ وَمُسْلِمَةٍ ” .

Maksudnya: “Menuntut ilmu adalah merupakan satu kewajiban ke atas muslim laki-laki dan perempuan.

- vi. Faedah berteman dan bergaul dengan sahabat atau rakan yang baik dapat dilihat dalam kisah di atas di mana nabi Musa memilih Yusha' Ibn Nu:n bagi menemani beliau dalam pengembaraannya mencari tempat yang dikatakan sebagai مَجْمَعُ الْبَحْرَيْنِ . Nabi Musa a.s. memilih Yusya' Bin Nu:n sebagai teman di mana beliau terkenal dengan kesetiiaannya.

5.4 Kisah Zulqarnain.

Ayat 83 hingga ayat 99 daripada surah al-Kahf menceritakan kisah Zulqarnain.

Kisah ini diceritakan untuk menjawab pertanyaan kafir quraish yang disuruh oleh yahudi untuk menguji kerasulan nabi Muhammad s.a.w.

Firman Allah:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْقَرْنَيْنِ قُلْ سَأَتْلُوا عَلَيْكُمْ مِنْهُ ذِكْرًا

Maksudnya: “Dan mereka bertanya kepadamu wahai Muhammad tentang Zulqarnain,. Katakanlah: Akan aku bacakan kepada kamu akan kisahnya.” (Surah al-kahf ayat; 83)

Zulqarnain seorang raja yang soleh dikurniakan Allah sebuah kerajaan yang teguh di bumi ini. Dia juga dikurniakan petunjuk, ilmu pengetahuan, kebijaksanaan dan keperluan yang membolehkannya memerintah negara dengan baik dan adil. Beliau hidup sezaman dengan nabi Ibrahim dan dia pernah bertemu dengan nabi Ibrahim di Palestin dan di Baitullah , Mekah al-Mukarramah.(Muhammad Khaiyr Ramada:n Yu:suf, 1986 : 91 – 95).

Allah memberi kekuasaan kepada Zulqarnain untuk bertindak sama ada memerangi mereka jika tidak mahu beriman dan tunduk kepada Allah, atau mengajar mereka pengajaran yang baik, sehingga mereka beriman dan mengikut hukum-hukum Allah. Zulqarnain dan pegawai-pegawainya menyampaikan dakwah kepada kaum itu supaya beriman kepada Allah. Orang yang menyekutukan Allah serta melanggar larangannya akan dihukum. Mereka nanti akan dikembalikan kepada Allah di diazab di akhirat. Manakala orang yang beriman dan beramal soleh akan mendapat balasan baik iaitu syurga yang penuh nikmat sebagai balasan amalan di dunia. Ini dinyatakan oleh Allah menerusi firmanNya:

قَالَ أَمَّا مَنْ ظَلَمَ فَسَوْفَ نُعَذِّبُهُ ثُمَّ يُرَدُّ إِلَىٰ رَبِّهِ فَيُعَذِّبُهُ عَذَابًا نُكْرًا

AV

Maksudnya: “ *Dia (Zulqarnain) berkata: Barangsiapa yang melakukan kezaliman, kami akan menghukumnya, lalu dia akan dikembalikan kepada Tuhannya, kemudian Tuhan menurunkan azabnya dengan azab yang sangat keras.*” (Surah al-Kahf , ayat 87).

Dalam kisah Zukqarnain, penulis ingin menyorot kembali tentang siapakah sebenarnya Zulqarnain sebagaimana yang dinyatakan dalam surah al-Kahf. Iskandar Zulqarnain adalah salah seorang tokoh kepimpinan Islam yang beriman dan bertakwa kepada Allah. Mengikut kajian yang dijalankan, terdapat beberapa versi dalam Islam mengenai Iskandar Zulqarnain iaitu:

1. Pendapat yang mengatakan beliau adalah salah seorang raja Himyar, yang memerintah dari 300 hingga 320 sebelum Masihi. Beliau diberitakan telah berjaya menakluki kuasa besar di zaman itu, iaitu negara Parsi. Pendapat ini disokong oleh ramai mufassiri:n seperti al-Mas‘u:diyy, al-Tha‘labiyy, Muhammad Fari:d Wajdiyy dan ramai lagi. (Muhammad Khaiyr Ramada:n Yu:suf, 1986 :260).
2. Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa Zulqarnain adalah merupakan Raja Kurush, iaitu Raja Persia yang memerintah selama tiga puluh tahun antara tahun 529 hingga sebelum masihi, iaitu kira-kira 300 tahun sebelum masa Alexzender The Great, Cyrus. (Sala:h‘Abdul Fattah, 1996, 261 – 263). Nama sebenar Zulqarnain adalah Ku:rush di dalam bahasa Parsi, *Khu:rus* mengikut nama yang diberikan oleh bangsa Yahudi, Qu:rush gelaran nama mengikut bangsa Arab, manakala bangsa Yunani menggelarkannya sebagai Sa:’iris .(Sala:h‘Abdul Fattah, 1996, 261).

3. Pendapat lain ada mengatakan Iskandar Zulqarnain pernah mengikuti ajaran Nabi Musa a.s. Dan beliau pernah mengembara ke serata pelusok dunia, timur dan barat hingga ke Cina sehingga menyumbang kepada pembuatan kertas, di mana pada zaman itu kertas hanya ada di Mesir dan diperbuat daripada papyrus (paper).

4. Pendapat lain menyatakan bahawa Zulqarnain adalah Iskandar yang berasal dari Macedonia, dilahirkan pada 356 sebelum Masihi. Dalam tempoh sepuluh tahun beliau berjaya menakluki beberapa buah kerajaan yang berperang sesama sendiri dan diletakkan di bawah jajahan takluknya. Mengikut sejarah, beliau juga pernah melalui dan singgah di Babylon di Iraq. Di sana beliau tiba-tiba jatuh sakit diserang demam panas selama sebelas hari, dan kemudiannya meninggal dunia di situ pada tahun 323 sebelum Masihi, ketika umurnya menjangkau 33 tahun (Muhammad Khaiyr Ramada:n Yu:suf, 1986 : 259). Pendapat ini tidak boleh dijadikan bukti kukuh bahawa beliau adalah Zulqarnain yang dimaksudkan.

Walau apa pun daripada huraian di atas, Iskandar Zulqarnain bukanlah Alexander The Great seperti yang dipopularkan oleh Barat melalui filem ataupun sumber penulisan daripada negara Barat. Ini mengingatkan penulis kepada sebuah filem tentang Alexander The Great yang diarahkan oleh Oliver Stones yang mendakwa Alexander The Great adalah Iskandar Zulqarnain. Ini adalah kerana terdapat perbezaan yang ketara antara keduanya. Alexander The Great adalah anak kepada Raja Philips II yang memerintah Macedonia. Setelah bapanya terbunuh beliau menjadi raja dan

seterusnya memulakan penaklukan dengan memusnahkan Empayar Parsi di bawah pemerintahan Darius.

(<http://kamarul.wordpress.com/2006/07/27/alexander-vs-iskandarzulkarnain/>).

Alexander The Great dari Macedonia merupakan pemimpin yang menyembah berhala, melakukan penjajahan dengan berbagai cara kekerasan, merampas dan merosakkan harta benda dengan kekerasan di samping memiliki sifat-sifat yang buruk, antaranya mempunyai keinginan sesama jantina (gay) dan yang paling ketara beliau tidak membina tembok besar yang menghalang Yakjuj dan Makjuj daripada menyeberangi sempadan sebagaimana yang dinyatakan dalam surah al-Kahf.

[Http://daplanner.wordpress.com/2008/12/03-iskandar-zulkarnain/](http://daplanner.wordpress.com/2008/12/03-iskandar-zulkarnain/).

Mengikut kajian yang dijalankan, Iskandar Zulqarnain adalah sekadar nama, kerana ia berasal dari perkataan Arab yang bermaksud “yang mempunyai dua tanduk”. Kedua-dua tanduk ini adalah merupakan simbolik kepada seorang raja atau pemerintah yang dapat menyatukan antara Timur dan Barat. Iskandar Zulqarnain adalah merupakan seorang Raja Persia yang beragama Islam. Menurut Saiyyid Qutub dalam tafsirnya Fi Zila:l al-Qur’a:n, (1985 : 2289) bahawa Zulqarnain yang disebut dalam surah al-Kahf adalah berasal dari Himyar. Raja-raja Himyar selalu digelar dengan Zu:,. Namanya yang sebenar ialah Abu Bakr Ibn Ifri:qash أَبُو بَكْرٍ بِنِ إِفْرِيقَشَ .

Ada pendapat yang mengatakan bahawa Khurush Komeni, raja Parsi adalah manusia yang memiliki sifat-sifat yang disebutkan dalam al-Qur’an. Khurush adalah Raja Kerajaan Myra yang bermusuhan dengan kerajaan Himyar, dan beliau berjaya

menyatukan kedua-dua kerajaan ini dan menjadi satu Empayar yang luas. Beliau merupakan seorang pemimpin yang berpengaruh di dalam masyarakatnya, dan dikurniakan oleh Allah segala kepintaran serta mahir dalam ilmu pengetahuan seperti kimia, ilmu peperangan, politik dan sebagainya.

[\(http://daplanner.wordpress.com/2008/12/03iskandar-zulqarnain/\)](http://daplanner.wordpress.com/2008/12/03iskandar-zulqarnain/)

Zulqarnain menguasai empayar kekuasaan di timur dan di barat Ini dinyatakan oleh Allah menerusi firmanNya:

إِنَّا مَكَّنَّا لَهُ فِي الْأَرْضِ وَءَاتَيْنَاهُ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ سَبَبًا ﴿٨٤﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kami telah memberi kedudukan kepadanya di bumi dan Kami telah memberikan jalan petunjuk kepadanya (untuk mencapai) segala sesuatu.*” (Surah al-Kahf, ayat 84)

Dia dipercayai memerintah di antara tahun 232 hingga 356 sebelum masihi dan pemerintahannya berpusat di Asia Tengah. Kurniaan dan kekuasaan yang diberikan oleh Allah mendorong Zulqarnain menjelajah ke sebelah Barat hingga sampai ke Laut Hitam. Laut Hitam ialah lautan yang terletak di antara Eropah dan Asia Kecil dan merupakan sebahagian daripada Lautan Atlantik. Ia dihubungkan dengan Laut Mediterranean melalui Selat Bosphorus dan Laut Marmara, dan dengan Laut Azov melalui Selat Kerch. dan Zulqarnain berjaya menguasai kawasan tersebut.

Beliau telah mengembara bersama tenteranya ke sebelah Timur. Di sanalah terletakanya Laut Hitam yang dimaksudkan, dan di sanalah beliau menemui satu kaum yang tidak beragama. Beliau berdakwah supaya mereka beriman dengan Allah, Tuhan

yang maha Esa. Setelah itu beliau pergi ke sebelah barat dan dalam pengembaraannya, beliau bertemu satu kawasan di antara dua buah gunung. Di sanalah beliau berjumpa dengan satu kaum yang hampir tidak difahami bahasanya dan tidak memahami bahasa beliau. Menurut setengah pendapat kaum yang dimaksudkan itu ialah golongan Barbar. Di sinilah beliau telah membina dan mendirikan sebuah tembok daripada besi dan tembaga yang memisahkannya dengan bangsa Yakjuj dan Makjuj. Dikatakan bahawa tembok tersebut setinggi gunung bagi menghalang Yakjuj dan Makjuj daripada menyerang kaum-kaum lain yang tidak berdosa.

Menurut Ali Akhbar (1963), tembok ini terletak di sebelah laut Caspian. Panjangnya adalah lima puluh batu, ketinggiannya dua puluh sembilan kaki dan tebal satu kaki. Mengikut pandangan beliau, tembok ini terletak di antara dua gunung yang terdapat di Azerbaijan dan Armenia. Ibn Kathi:r pernah meriwayatkan daripada Ibn ‘Abba:s bahawa khalifah al-Wa:thiq pernah menghantar satu ekspedisi bertujuan untuk mencari tembok yang telah dibina oleh Zulqarnain. Tembok ini berjaya ditemui setelah dua tahun ekspedisi dilakukan. Ianya diperbuat daripada besi dan tembaga dan mempunyai kunci-kunci serta pintu yang besar. Pada abad ke 15 Masihi, dua orang pengkaji dari Jerman dan seorang dari Sepanyol mendapati bahawa tembok ini terletak di Samarkand dan India. (<http://sulaimanrahim.blogspot.com/2008/09/kisah-yakjuj-makjuj-html>) .

Selepas menjelajah dan menguasai negeri-negeri di sebelah barat, Zulqarnain dan tenteranya pergi pula ke sebelah timur. Di sana mereka bertemu dengan satu bangsa yang ganjil. Penduduk negeri itu belum bertamadun lagi. Mereka belum

berpakaian dan tinggal di dalam gua. Setelah berjaya menguasai negeri-negeri di sebelah barat dan timur dan dapat memerintah dengan adil sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah, Zulqarnain mengalih pandangannya ke utara pula .

Zulqarnain dan tenteranya sampai di antara dua gunung yang dikatakan terletak di antara Armenia dan Azerbaijan, terdapat sebuah negeri yang penduduknya tidak dapat memahami bahasa yang digunakan oleh Zulqarnain dan tenteranya. Zulqarnain menggunakan jurubahasa untuk berhubung dengan penduduk di situ.

Memandangkan Zulqarnain seorang raja yang agung, penduduk negeri itu mengadu hal dan meminta bantuan daripadanya melalui juru bahasa. Mereka mengadu bahawa Yakjuj dan Makjuj telah menyerang dan merosakkan negeri mereka, melakukan pembunuhan, merampas bekalan makanan dan merosakkan harta benda. Penduduk di situ bersedia membayar upah jika raja Zulqarnain menjamin keselamatan mereka daripada ancaman Yakjuj dan Makjuj dengan meminta sebuah tembok yang boleh menghalang serangan mereka. (Afareez Abd. Razak al-Hafiz, 2009 : 138 – 148).

Firman Allah:

قَالُوا يَا ذَا الْقَرْنَيْنِ إِنَّ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ مُفْسِدُونَ فِي
الْأَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ خَرْجًا عَلَىٰ أَنْ تَجْعَلَ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ
سَدًّا

Maksudnya: “Mereka berkata, wahai Zulqarnain, sesungguhnya Yakjuj dan Makjuj adalah makhluk yang membuat kerosakan di bumi, maka bolehkah kami

membayar (mengupah) kepada kamu agar kamu dapat membina dinding penghalang antara kami dan mereka (Yakjuj dan Makjuj). (Surah al-Kahf , ayat 94).

Zulqarnain enggan menerima upah kerana dia mempunyai kekayaan yang dikurniakan oleh Allah. Walau bagaimanapun dia menerima penduduk di situ sebagai rakyat di bawah naungannya. Untuk membina tembok, Zulqarnain meminta penduduk di situ membantunya dari segi tenaga dan peralatan. Dia meminta penduduknya mengumpulkan kepingan besi dan tembaga. Kepingan-kepingan besi dilonggokkan sehingga menutup ruang antara dua gunung. Zulqarnain memerintah mereka mebakar kepingan-kepingan besi itu sehingga menjadi merah seperti api, lalu dituangkan ke atasnya cairan tembaga supaya menjadi kukuh dan licin.

Allah berfirman:

ءَاتُونِي زُبَرَ الْحَدِيدِ حَتَّىٰ إِذَا سَاوَىٰ بَيْنَ الصَّدَفَيْنِ قَالَ أَنفُخُوا حَتَّىٰ إِذَا
جَعَلَهُ نَارًا قَالَ ءَاتُونِي أُفْرِغْ عَلَيْهِ قِطْرًا ﴿٩٦﴾

Maksudnya: “Berikan padaku potongan-potongan besi!. Hingga ketika potongan besi itu telah terpasang sama rata antara dua puncak gunung itu, dia (Zulqarnain) berkata, “Tiuplah api !” setelah besi itu menjadi merah seperti api dia pun berkata. “Berilah aku tembaga yang mendidih agar kutuangkan ke atasnya (besi panas). (Surah al-Kahf, ayat 96)

Dengan terdirinya tembok itu, Yakjuj dan Makjuj tidak dapat mengancam dan menyerang mereka. Mereka tidak dapat mendaki dan tidak berdaya menebuknya. Ini adalah rahmat pemberian Allah untuk hambanya. Raja Zulqarnain mengingatkan penduduk di situ bahawa tembok itu tidak akan bertahan lama kerana setiap yang baru akan binasa. Apabila sampai janji Allah ia akan roboh. Tembok ini akan runtuh apabila

dunia telah hampir dengan kiamat. Ketika itu Yakjuj dan Makjuj menyerbu keluar seperti ombak lautan, menyerang dan membinasakan tanam-tanaman, harta benda dan membunuh penduduk negeri sekitarnya. (Saiyyid Qutub, 1985 : 2293)

5.4.1 Siapakah Yakjuj Dan Makjuj

Terdapat sejumlah pendapat yang membahaskan siapakah sebenarnya Yakjuj dan Makjuj . Ada pendapat yang mengatakan bahawa Yakjuj dan Makjuj tercipta daripada Nabi Adam a.s. Tanpa melalui isterinya Hawa berdasarkan satu riwayat daripada Ka'ab al-Ahbar di mana beliau menceritakan pada satu hari nabi Adam a.s. pernah bermimpi berjunub lalu tercurahlah air maninya ke tanah dan daripada air mani tersebut terciptanya Yakjuj dan Makjuj.

Riwayat ini lemah dan tertolak kerana terbukti daripada riwayat yang lain bahawasanya para nabi tidak pernah bermimpi bersetubuh. (Afareez Abd. Razak al-Hafiz, 2009 : 151). Dalam al-Qur'an perkataan Yakjuj dan Makjuj disebut sebanyak dua kali iaitu dalam surah al-Kahf ayat 94:

قَالُوا يَا ذَا الْقَرْنَيْنِ إِنَّ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ مُفْسِدُونَ فِي
الْأَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ خَرْجًا عَلَىٰ أَنْ تَجْعَلَ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ

سَدًّا ﴿٩٤﴾

Maksudnya: “ Mereka berkata “ wahai Zulqarnain ! Sesungguhnya Yakjuj dan Makjuj itu adalah makhluk yang suka membuat kerosakan di muka bumi, maka bolehkah kami memberi upah kepadamu supaya engkau dapat membina dinding (tembok) sebagai penghadang antara kami dan mereka.” (Surah al-Kahf, ayat 94).

Dan dalam surah al-Anbiya:' Allah berfirman

حَتَّىٰ إِذَا فُتِحَتْ يَأْجُوجُ وَمَأْجُوجُ وَهُمْ مِّن كُلِّ حَدَبٍ يَنْسِلُونَ ﴿٩٦﴾

Maksudnya: “ Sehingga apabila Yakjuj dan Makjuj dibukakan pintu keluar, lalu mereka meluncur turun dari setiap tempat yang tinggi.” (al-Anbiya:', ayat 96).

Bangsa Yakjuj dan Makjuj ini akan keluar pada akhir zaman ketika hampir berlakunya kiamat. Tempat yang di diami oleh mereka di Barat daya Mongolia. Mereka juga lebih dikenali sebagai bangsa Mongol dan Tartar. (Sala:h 'Abd al-Fatta:h al-Kha:lidiyy, 1996: 279 – 280). Para ulama bersepakat mengatakan bahawa Yakjuj dan Makjuj tinggal dan menetap di kawasan Mongolia di negara China dan Turkestan di negara Rusia. Terdapat dua pendapat mengenai kemunculan Yakjuj dan Makjuj ke bumi, Pendapat pertama iaitu Yakjuj dan Makjuj muncul dan keluar hanya sekali iaitu ketika hampir berlakunya kiamat. Manakala pendapat kedua yang muhtabar mengatakan bahawa bangsa ini keluar dan muncul beberapa kali bermula dari kurun pra sejarah dan berakhir dengan kemunculan besar yang membawa kepada kemusnahan besar ketika hampir berlakunya kiamat. (Sala:h 'Abd al-Fatta:h al-Kha:lidiyy, 1996: 280 – 282).

5.4.2 Tembok Zulqarnain

Tembok pemisah yang dibina oleh Zulqarnain adalah terletak di Dagistan negara Rusia mengikut satu pendapat. Ada yang berpendapat bahawa ianya terletak di Derbent berhampiran Bukhara. Menurut sejarah, dalam usaha Zulqarnain membina tembok pemisah diantara satu bangsa dengan Yakjuj dan Makjuj, beliau telah melalui satu wilayah yang dikenali sebagai *Derbent*, iaitu sebuah wilayah Parsi yang terletak di kawasan *Kaukasus* di wilayah *Dagistan* yang kedudukannya di sebelah *Laut Kaspia* dan sebelah selatannya terbinanya tembok *Kaukasus* yang juga dikenali dengan tembok atau dinding Zulqarnain. Menurut satu pendapat, ukuran tembok ini adalah 50 batu panjang, 29 kaki tinggi dan 10 kaki tebal. (A Fareez Abd Razak Al-Hafiz , 2009 : 140-148).

Tembok yang dibina oleh Zulqarnain ini diperbuat dengan teknologi dan pertukangan besi dan tembaga. Sumber besi dan tembaga tersebut diambil dari hasil galian yang banyak terdapat di Azerbaijan dan Armenia. (Sala:h ‘Abd al-Fattah, 1996, 268). Mengikut kajian, bangsa Georgian merupakan bangsa yang mempunyai kemahiran dalam pertukangan besi dan tembaga. Sebuah artikel karangan Bruno Coppieters menyatakan bahawa ahli sejarah berbangsa Georgian bernama *Teimuraz Mikeladze* mengatakan bahawa besi pertama kali dicipta oleh kaum *Chalybs* iaitu nenek moyang kepada bangsa *Georgian*. Merekalah yang memperkenalkan zaman besi dan inilah sumbangan yang besar kepada kebudayaan manusia seluruhnya.(A Fareez Abd Razak Al-Hafiz, 2009, 159).

Antara pengajaran yang dapat dipetik daripada kisah Zulqarnain seperti berikut: (Saiyyid Qutub, 1985 : 2293) (<http://quran.maktoob.com/vb/quran6225>)

- i. Raja Zulqarnain telah dikurniakan pemerintahan yang teguh dan luas naungannya, namun demikian dia tetap patuh dan taat kepada Allah. Dia tidak merasa takbur dan sombong dengan apa yang dikurniakan Allah kepadanya.
- ii. Raja Zulqarnain mempunyai kekuatan, keimanan dan juga ilmu pengetahuan yang luas. Dengan itu dia boleh membina sebuah empayar yang besar dan memerintah dengan adil serta mampu melindungi rakyat yang dizalimi.
- iii. Raja Zulqarnain diberikan kekuasaan, ilmu yang luas meliputi politik, kejuteraan dan sebagainya. Dia patut dijadikan model terbaik bagi setiap penguasa atau pemerintah di sepanjang zaman.
- iv. Hubungan baik antara raja atau pemerintah dengan rakyat harus dikekalkan dalam pemerintahan sesebuah negara atau negeri. Dengan adanya sikap ini, kerajaan akan menjadi teguh dan kehidupan rakyat akan menjadi harmoni dan aman.
- v. Hari kebangkitan pasti akan berlaku. Manusia akan dihimpunkan dan dihisab di padang mahsyar kelak.

5.5 Kisah-kisah Sampingan Dalam Surah al-Kahf

Di samping empat kisah utama yang dipaparkan dalam surah al-Kahf, terdapat juga beberapa kisah sampingan yang dimuatkan secara sepintas lalu sebagai perbandingan dan perumpamaan kepada manusia seperti berikut:

5.5.1 Keangkuhan Dan Tipu Daya Iblis.

Sebagaimana dimaklumi, Iblis adalah musuh utama bagi manusia semenjak dari kehidupan nabi Adam sehingga hari kiamat. Keangkuhan Iblis dari bersujud tanda penghormatan kepada nabi Adam dipaparkan dalam kebanyakan ayat-ayat al-Qur'an. Kisah keangkuhan dan tipu daya iblis ini dinyatakan menerusi ayat-ayat berikut:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ كَانَ
مِنَ الْجِنِّ فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِ أَفَتَتَّخِذُونَهُ وَذُرِّيَّتَهُ أَوْلِيَاءَ مِنْ
دُونِي وَهُمْ لَكُمْ عَدُوٌّ بِئْسَ لِلظَّالِمِينَ بَدَلًا ﴿٥٠﴾

Maksudnya: “Ingatlah ketika kami (Allah) berfirman kepada para Malaikat: “Sujudlah (tunduk hormat) kepada Adam”, Mereka pun sujud kecuali Iblis. Dia daripada golongan jin yang telah menderhakai perintah Tuhannya. Adakah kamu mahu menjadikan (Iblis) dan keturunannya sebagai pemimpin selain aku, sedangkan mereka (Iblis dan keturunannya) adalah musuh kamu. Amat buruk perbuatan orang yang zalim yang menjadikan Iblis sebagai pemimpin selain Allah.” (Surah Al-Kahf, ayat 50)

Dalam ayat tersebut, Allah menjelaskan bahawa Iblis adalah makhluk yang kufur dengan perintah Allah. Dia enggan untuk sujud kepada Adam a.s. kerana

sombong dan bongkak. Alasan yang diberikan kepada Allah ialah bahawa dia dijadikan daripada api, manakala Adam hanya diciptakan daripada tanah. Ini dinyatakan menerusi firman Allah:

قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِي مِن نَّارٍ وَخَلَقْتَهُ مِن طِينٍ ﴿٧٦﴾

Maksudnya: “*Berkatalah Iblis, Aku lebih baik daripadanya (Adam). Engkau (Allah) menciptakan daku daripada api dan engkau menciptakannya daripada tanah*”. (Surah Al-Sa:d, ayat 76).

Kisah tentang keengganan Iblis sujud kepada Adam telah diterangkan oleh Allah dalam tafsir surah Al-Baqarah daripada ayat 30 hingga 39. Allah melarang manusia menjadikan Iblis sebagai pemimpin kerana dia dan keturunannya berperangai buruk dan musuh kepada manusia. Sekiranya dia dijadikan pemimpin, sudah tentu akan membawa kepada kesesatan. Alangkah buruk dan zalimnya orang yang mengikut telunjuk Iblis. Allah menegaskan bahawa dia tidak pernah menunjuk dan memperlihatkan kepada Iblis bagaimana Dia mencipta langit dan bumi dan diri mereka sendiri, kerana Allah Maha Berkuasa dan tidak memerlukan bantuan daripada sesiapa pun. Ini dinyatakan menerusi firmanNya:

﴿ مَا أَشْهَدْتُهُمْ خَلْقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَا خَلْقَ أَنْفُسِهِمْ
وَمَا كُنْتُ مُتَّخِذَ الْمُضِلِّيْنَ عَضُدًا ﴾ ﴿٥١﴾

Maksudnya: “*Aku tidak mempersaksikan kepada mereka pada penciptaan langit dan bumi dan tidak pula menciptakan diri mereka sendiri, dan aku tidaklah mengambil orang-orang yang sesat itu sebagai pembantu*”. (Surah Al-Kahf, ayat 51).

Ayat 52 dan 53, Allah menjelaskan keadaan orang-orang kafir dan musyrik pada hari kiamat. Pada hari tersebut, Allah menyuruh orang-orang kafir dan musyrik memanggil apa jua benda yang mereka pernah sembah termasuklah Iblis sebagai sekutu Allah untuk membantu mereka menyelamatkan diri daripada azab api neraka. Orang yang melakukan dosa besar melihat api neraka dengan terang dan jelas. Mereka akan dimasukkan ke dalam api neraka kerana dosa-dosa yang dilakukan, sedangkan mereka tidak dapat melepaskan diri daripadanya.

Antara pengajaran yang dapat diambil daripada kisah keangkuan Iblis seperti berikut:

(I) Takbur adalah salah satu sifat yang keji. Umat Islam diminta untuk menjauhi daripada sifat tersebut kerana ia menyebabkan seseorang menjadi kufur kepada Allah dan dibenci oleh masyarakat.

(ii) Iblis adalah musuh Nabi Adam a.s. dan keturunannya sentiasa berusaha menyesatkan keturunan Adam a.s. Umat Islam jangan mudah terpengaruh dengan hasutan Iblis dan kuncu-kuncunya. Oleh itu Allah menyuruh orang-orang yang beriman menjadikan iblis dan syaitan sebagai musuh mereka yang utama. Balasan bagi mereka yang menurut jejak langkah dan hasutan syaitan akan dimasukkan ke dalam neraka bersama-samanya. (JAKIM. Koleksi Artikel Tafsir, siri 2 .2006.: 117)

5.5.2 Akibat Tidak Menghiraukan Peringatan Allah.

Allah mengingatkan manusia bahawa dalam al-Qur'an, terdapat pelbagai perumpamaan, perbandingan dan contoh tauladan, agar manusia mengambil iktibar dan pengajaran daripadanya. Dengan itu manusia akan mendapat kebaikan di dunia dan di akhirat, tetapi masih ramai manusia yang tidak mahu insaf dan berdegil disebabkan sangat suka membantah segala suruhan Allah. Ini dinyatakan menerusi firman Allah:

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا فِي هَذَا الْقُرْآنِ لِلنَّاسِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ وَكَانَ الْإِنْسَانُ أَكْثَرَ شَيْءٍ جَدَلًا ﴿٥٤﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kami (Allah) menjelaskan kepada manusia dalam al-Qur'an pelbagai perbandingan (contoh tauladan). Sememangnya manusia makhluk yang paling banyak membantah*”. (Surah Al-Kahf, ayat 54)

Firman Allah lagi:

وَمَا مَنَعَ النَّاسَ أَنْ يُؤْمِنُوا إِذْ جَاءَهُمُ الْهُدَىٰ وَيَسْتَغْفِرُوا رَبَّهُمْ إِلَّا أَنْ تَأْتِيَهُمْ سُنَّةٌ الْأَوَّلِينَ أَوْ يَأْتِيَهُمُ الْعَذَابُ قُبُلًا ﴿٥٥﴾

Maksudnya: “*Tiada sesuatu pun yang boleh menghalang manusia daripada beriman dan memohon ampun kepada Tuhan (Allah) ketika datang hidayah kepada mereka, kecuali didatangi azab yang menimpa mereka seperti yang pernah memusnahkan umat-umat yang terdahulu atau azab yang menimpa mereka dengan nyata*”. (Surah Al-Kahf, ayat 55)

Manakala ayat ke-55, Allah menerangkan manusia yang kufur dan menyengutkan Allah tetap tidak mahu beriman dan tidak mahu bertaubat kepada

Allah, walaupun diutuskan para Nabi dan Rasul dan diturunkan kitab seperti al-Qur'an kepada mereka. Mereka akan mula beriman dan bertaubat, sekiranya diturunkan azab sengsara yang pedih sebagaimana yang berlaku kepada umat-umat terdahulu, seperti kaum Nu:h yang dilanda ribut taufan dan banjir besar dan kaum Lu:t yang diterbalikkan buminya atau azab-azab yang lain yang berlaku dari masa ke semasa.

Firman Allah:

وَمَا نُرْسِلُ الْمُرْسَلِينَ إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ وَيَجْعَلُ اللَّهُ الَّذِينَ
كَفَرُوا بِالْبَاطِلِ لِيُدْحِضُوا بِهِ الْحَقَّ وَاتَّخَذُوا آيَاتِي وَمَا أُنذِرُوا

هُزُورًا ﴿٥٦﴾

Maksudnya: “Dan Kami tidak mengutuskan Rasul-rasul melainkan sebagai pemberi berita gembira dan pemberi amaran, tetapi orang-orang kafir membantah dengan cara yang batil untuk menghapuskan yang hak. Mereka menjadikan ayat-ayat Allah dan juga amaranNya sebagai bahan olok-olok”. (Surah Al-Kahf, ayat 56).

Dalam ayat di atas, Allah menjelaskan bahawa tugas Rasulullah ialah menyampaikan berita gembira, iaitu balasan syurga kepada orang beriman dan beramal saleh dan juga menyampaikan berita yang menggerunkan, iaitu balasan neraka kepada orang-orang kufur dan melakukan kemungkarannya. Tugas ini mendapat tentangan daripada orang-orang kafir. Mereka berusaha sedaya upaya menggagalkannya dengan pelbagai cara, malah mereka mempersendakan dan mengolok-olokkan ayat-ayat Allah dan ajaran Rasul.

Allah berfirman:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ ذُكِّرَ بِآيَاتِ رَبِّهِ فَاعْرَضَ عَنْهَا
 وَنَسِيَ مَا قَدَّمَتْ يَدَاهُ إِنَّا جَعَلْنَا عَلَى قُلُوبِهِمْ أَكِنَّةً أَنْ يَفْقَهُوهُ وَفِي
 آذَانِهِمْ وَقْرًا ۖ وَإِنْ تَدْعُهُمْ إِلَى الْهُدَى فَلَنْ يَهْتَدُوا إِذًا أَبَدًا ﴿٥٧﴾

Maksudnya: “Siapakah yang lebih daripada orang yang diberikan peringatan dengan Al-Qur’an, kemudian dia berpaling daripadanya dan melupakan apa jua yang telah dilakukan oleh kedua-dua belah tangannya. Sesungguhnya Kami telah menutup hati mereka daripada memahaminya dan Kami sumbat telinga mereka (menjadikan mereka tidak mendengar). Dan jika engkau (Muhammad) menyeru kepada hidayah, mereka tidak sekali-kali mendapatnya”. (Surah Al-Kahf, ayat 57)

Ayat 57, Allah menegaskan bahawa orang-orang yang zalim ialah orang yang menolak kebenaran yang disampaikan kepadanya oleh Rasul-rasul dan tidak mahu bertaubat daripada kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Dengan itu dosa mereka makin bertambah dari masa ke semasa. Akibatnya Allah tidak akan memberi hidayah dan pertunjuk kepada mereka.

Seterusnya Allah berfirman:

وَرَبُّكَ الْغَفُورُ ذُو الرَّحْمَةِ لَوْ يُؤَاخِذُهُمْ بِمَا كَسَبُوا لَعَجَّلَ لَهُمُ الْعَذَابَ
 بَلْ لَهُمْ مَوْعِدٌ لَّنْ يَجِدُوا مِنْ دُونِهِ مَوْئِلًا ﴿٥٨﴾ وَتِلْكَ الْقُرَىٰ أَهْلَكْنَاهُمْ
 لَمَّا ظَلَمُوا وَجَعَلْنَا لِمَهْلِكِهِمْ مَوْعِدًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya: “Tuhan engkau (Muhammad) Maha Pengampun lagi melimpah rahmatnya. Jika Dia mahu menyiksa dengan sebab apa-apa yang mereka lakukan,

nesycaya dia menyegerakan azab kepada mereka, tetapi Allah janjikan suatu masa bagi mereka (untuk menerima azab) yang tidak sekali-kali mereka mendapat tempat perlindungan selain perlindungan Allah. Dan penduduk negeri itu (kaum 'A:d dan Thamu:d dan lainnya) Kami binasakan ketika mereka melakukan kezaliman dan Kami juga tentukan waktu untuk membinasakan mereka". (Surah Al-Kahf, ayat 58-59).

Ayat 58 dan 59, di atas, menerangkan bahawa rahmat dan belas kasihan Allah amat luas untuk hambanya. Allah memberi peluang kepada hambanya untuk bertaubat selagi mana hari kiamat belum menjelma. Jika tidak kerana sifat tersebut nescaya disegerakan azab ke atas mereka. Contohnya Allah menangguhkan azab ke atas kaum 'A:d dan kaum lainnya, supaya mereka bertaubat, tetapi mereka terus menderhakai kepadanya. Dengan sebab itu, Allah menimpakan azab yang amat pedih kepada mereka.

Antara pengajaran yang dapat dipetik daripada ayat-ayat di atas:

- i. Sikap suka membantah dalam perkara yang tidak berfaedah boleh menimbulkan ketegangan hidup bermasyarakat. Oleh itu sebagai umat Islam, kita haruslah mengelakkan daripada berbantah-bantah, supaya kita hidup dalam keadaan aman dan damai.
- ii. Allah Maha Pengasih dan Penyayang kepada hamba-hambanya. Dia memberi peluang kepada mereka untuk bertaubat walaupun mereka menderhakaiNya.
- iii. Al-Qur'an mengandungi banyak kisah umat-umat terdahulu yang boleh menimbulkan keinsafan dan kesedaran. Oleh itu sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa membaca dan memahami kandunginya al-Qur'an dan mengambil iktibar daripada kisah-kisah yang terkandung di dalamnya.

5 . 5 . 3 Perumpamaan Hidup di Dunia

Seterusnya Allah memberikan perbandingan atau perumpamaan hidup di dunia sebagai air hujan yang turun dari langit dan mengenai tumbuh-tumbuhan. Segala jenis tumbuhan hidup subur disebabkan turunnya hujan. Kemudian tumbuh-tumbuhan itu menjadi kering dan ditiupkan oleh angin. Perumpamaan ini menunjukkan bahawa kehidupan di dunia hanyalah seketika. Segala kenikmatan yang dikecapi oleh manusia hanya sementara sahaja. Ianya akan hilang lenyap apabila datangnya hari kiamat. Perumpamaan ini dinyatakan oleh Allah menerusi firmanNya:

وَأَضْرِبْ لَهُمْ مَثَلًا الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا تَذْرُوهُ الرِّيْحُ وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُّقْتَدِرًا ﴿٤٥﴾

Maksudnya: *“Dan buatlah untuk mereka perumpamaan kehidupan dunia sebagai air hujan yang turun dari langit, kerananya tumbuh-tumbuhan menjadi subur, kemudian ianya menjadi kering ditiup (diterbangkan) oleh angin. Dan Allah itu berkuasa di atas tiap-tiap sesuatu”*. (Surah Al-Kahf, ayat 45).

Kehidupan di dunia diumpamakan dengan air hujan yang menyimbah bumi, lalu menumbuhkan dan menyuburkan tanam-tanaman dan apabila tiba waktunya, dedaunan serta batang-batangnya menjadi kering dan ditiup angin. Betapa singkatnya masa kehidupan di dunia ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Sayyed Qutub (1985) dalam tafsirnya *“Fi: Zila:l al-Qur’a:n”*.

Dalam al-Qur'an, terdapat beberapa ayat yang membuat perumpamaan kehidupan dunia seperti ayat di atas. Antaranya firman Allah dalam surah Yunus ayat 24,:

إِنَّمَا مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ
فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ مِمَّا يَأْكُلُ النَّاسُ وَالْأَنْعَامُ

Maksudnya: “*Sesungguhnya perumpamaan kehidupan duniawi itu hanya seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit, lalu tumbuhlah tanam-tanaman bumi dengan subur (kerana air itu) di antaranya ada yang dimakan manusia dan binatang ternakan*”

أَعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَلَهُمْ وَزِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ
فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ كَمَثَلِ غَيْثٍ أَعْجَبَ الْكُفَّارَ نَبَاتُهُ ثُمَّ يَهِيجُ فَتَرَاهُ
مُصْفَرًّا ثُمَّ يَكُونُ حُطَمًا ۗ وَفِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ شَدِيدٌ وَمَغْفِرَةٌ مِّنَ اللَّهِ
وَرِضْوَانٌ ۗ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ ﴿٢٠﴾

dan firman Allah dalam surah al-Hadi:d ayat 20 :

Maksudnya: “*Ketahuiilah, sesungguhnya kehidupan dunia itu hanyalah permainan dan senda gurauan, perhiasan dan saling berbangga di antara kamu serta berlumba-lumba mencari kekayaan dan keturunan, seperti hujan yang menumbuhkan tanam-tanamannya yang mengagumkan orang-orang kafir, kemudian ia menjadi kering dan kamu melihat warnanya kekuningan dan hancur*”.

Kesimpulannya, dapat difahami bahawa kehidupan dunia hanyalah sementara. Oleh itu umat Islam jangan sekali-kali dilalaikan dengan kemewahan dunia sehingga lupa amal kebajikan sebagai bekalan di akhirat. Bagi mencapai kejayaan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat, maka setiap umat Islam perlu memperikhhlaskan diri dalam beribadah kepada Allah serta sentiasa taat terhadap segala ajaran agama serta berbuat baik sesama manusia.

5.6 Penutup

Sebagai kesimpulan, kisah-kisah yang dimuatkan dalam surah al-kahf mempunyai pengajaran yang amat berguna kepada seluruh umat Islam. Kisah-kisah ataupun cerita-cerita tersebut dipaparkan dengan penuh keindahan bahasa. Ini dapat dijelaskan dengan metode al-Qur'an dalam menyampaikan sesebuah kisah. Kisah-kisah tersebut disampaikan dalam bentuk penceritaan, perbandingan dan juga perumpamaan. Kisah-kisah yang dipaparkan dalam al-Qur'an mempunyai hubungkaitnya dengan kehidupan manusia, dan ianya boleh dijadikan panduan dan pedoman kepada semua umat manusia. Ini adalah kerana al-Qur'an bersifat universal sejajar dengan Islam itu sebagai agama yang sesuai dan relevan untuk umat manusia tanpa mengira batasan waktu, tempat ataupun bangsa.